

# Pensyarah bersama penuntut UMS hasilkan buku AR Hari Kebangsaan

UB 28.08.2023 P.06

**KOTA KINABALU:** Seramai sembilan warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghasilkan Buku Interaktif Digital 'Augmented Reality' (AR) sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2023.

Pasukan yang terdiri daripada tujuh pensyarah dan dua pelajar dari Fakulti Komputeran dan Informatik, UMS-Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) itu diketuai oleh pensyarah Ryan Macdonell Andrias.

Ryan berkata, pasukannya mengambil masa lebih kurang sebulan untuk membangunkan buku dan web aplikasi tersebut yang men-

gandungi animasi 2D, 3D dan video berkenaan tema dan logo Hari Kebangsaan 2023 dan Malaysia Madani melalui teknologi AR.

Selain itu katanya, projek dengan kerjasama Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) itu turut membangunkan buku AR Antanom, Postcard AR Dance dan Virtual Reality (VR) Dance.

Buku dan web aplikasi berkenaan dipamerkan sempena program Pameran Interaktif Digital Budaya AR & VR Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2023 anjuran LKNS di sini pada Sabtu lepas.



**BUKU:** Ryan (kanan) bersama sebahagian daripada ahli pasukannya.